



# AGRO TAKAFUL ASPIRASI



**PERKASAKAN MASA DEPAN  
ANDA DENGAN PENYELESAIAN  
TAKAFUL KELUARGA KAMI**

Lindungi masa depan dan bina kewangan anda dengan Agro Takaful Aspirasi.



IMBAS KOD QR UNTUK  
MAKLUMAT LANJUT



## **GERBANG MASA DEPAN YANG MENYAKINKAN - UNTUK ANDA DAN KELUARGA**

Memperkenalkan **Agro Takaful Aspirasi**, pelan endowmen takaful keluarga yang bukan sahaja menyediakan perlindungan kewangan terhadap sebarang kejadian yang mungkin berlaku pada masa hadapan, tetapi juga membantu meningkatkan simpanan anda untuk membina hari esok yang lebih cerah.

Sama ada anda menabung simpanan untuk pendidikan anak anda atau memulakan perjalanan ke arah matlamat persaraan anda, pelan takaful patuh Syariah yang menarik ini boleh membantu untuk mengubah aspirasi anda menjadi kenyataan!



## MANFAAT PELAN



### TEMPOH CARUMAN SINGKAT

Anda boleh memilih untuk mencarum di dalam pelan ini dalam tempoh masa 8 atau 12 tahun dengan tempoh perlindungan sama ada 20 atau 25 tahun.



### TERIMA TUNAI SECARA TAHUNAN

Manfaat Tunai Terjamin ("MTT") akan diberikan pada setiap tahun dari akhir tahun sijil ke-2 sehingga berlaku Kematian/Keilatan Menyeluruh dan Kekal ("KMK"), serahan atau kematangan sijil, yang mana berlaku dahulu.

AKHIR TAHUN SIJIL	MTT DIBAYAR
Tahun 2-5	8% daripada Jumlah Perlindungan
Tahun 6-10	10% daripada Jumlah Perlindungan
Tahun 11 dan ke atas	12% daripada Jumlah Perlindungan



### PERLINDUNGAN TERHADAP KEMATIAN DAN KMK

Sekiranya berlaku Kematian atau KMK, keluarga anda akan dijaga dari segi kewangan dengan bayaran sekaligus seperti di bawah:

PERISTIWA YANG DILINDUNGKI	MANFAAT
Kematian/KMK bukan akibat kemalangan	100%
Kematian/KMK akibat kemalangan	200%
Kematian/KMK akibat kemalangan di luar negara	300%
Tambah baki Akaun Peserta (jika ada)	

Nota:

- Manfaat KMK disediakan sebelum umur 70 tahun hari lahir berikutnya.
- Untuk kematian akibat kemalangan (termasuk semasa berada di luar negara) berlaku pada atau selepas 70 tahun hari lahir berikutnya, bayaran manfaat adalah terhad kepada 100% jumlah perlindungan.




## MANFAAT PELAN



## MANFAAT ELAUN PERISTIWA HIDUP

**5%** daripada jumlah perlindungan akan dibayar sebagai Elaun Peristiwa Hidup. Peristiwa ini termasuk perkahwinan atau menyambut kelahiran cahaya mata.

Nota: Manfaat ini dibayar hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perlindungan dengan syarat sijil itu berkuat kuasa selama sekurang-kurangnya 2 tahun. Sekiranya tiada tuntutan yang dibuat untuk manfaat ini sepanjang tempoh perlindungan, ia akan dibayar apabila sijil matang.



## ELAUN IHSAN

Amaun tambahan sebanyak **10%** daripada jumlah perlindungan akan dibayar apabila berlaku kematian ke atas orang yang dilindungi untuk memudahkan keperluan kewangan keluarga anda.



## MANFAAT KEMATANGAN TERJAMIN

Apabila sijil anda mencapai kematangan, anda akan menerima manfaat kematangan iaitu bersamaan dengan yang lebih tinggi daripada yang berikut:

- (a) 150% daripada jumlah perlindungan + 5% daripada jumlah perlindungan (jika tiada tuntutan ke atas Elaun Peristiwa Hidup);  
atau
- (b) Baki di dalam Akaun Manfaat Terjamin ("AMT").

Sebagai tambahan, sebarang baki di dalam Akaun Peserta ("AP") juga akan dibayar.



## SERTAI DENGAN MUDAH TANPA PEMERIKSAAN KESIHATAN

Capai matlamat kewangan anda tanpa kerumitan dengan permohonan mudah yang tidak memerlukan pengunderitian perubatan.



## BAGAIMANA PELAN INI MEMBANTU ANDA MEREALISASIKAN IMPIAN ANDA?

### SENARIO

**NAMA:** Hilmi

**UMUR:** 30 tahun pada hari lahir akan datang

**CARUMAN BULANAN:** RM325.00

**TEMPOH BAYARAN CARUMAN:** 8 tahun

**TEMPOH PERLINDUNGAN:** 20 tahun

**JUMLAH PERLINDUNGAN ASAS:** RM10,000.00



### Manfaat Tunai Terjamin



**ELAUN PERISTIWA HIDUP: RM500.00**



**MANFAAT KEMATANGAN (SENARIO RENDAH): RM9,632.66**

Pulangan Tahunan: 1.61% setahun



**MANFAAT KEMATANGAN (SENARIO TINGGI): RM20,538.37**

Pulangan Tahunan: 2.42% setahun

Nota:

Infografik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menunjukkan prestasi pelaburan sebenar. Senario tinggi merujuk kepada unjuran pelaburan sebanyak 5.0% setahun dan senario rendah pula sebanyak 2.0% setahun.



## CIRI-CIRI ASAS PELAN

<b>UMUR KEMASUKAN</b>	<b>Minimum:</b> 14 hari <b>Maksimum:</b> 55 tahun Jika anda menyertai pelan ini untuk pasangan atau anak, anda harus berumur 19 tahun dan ke atas. <b>Nota:</b> Umur di atas merujuk kepada hari lahir akan datang.
<b>JUMLAH PERLINDUNGAN</b>	<b>Minimum:</b> RM10,000.00 <b>Maksimum:</b> RM300,000.00
<b>TEMPOH PERLINDUNGAN</b>	20 Tahun atau 25 Tahun
<b>TEMPOH BAYARAN CARUMAN</b>	8 Tahun atau 12 Tahun
<b>MOD BAYARAN CARUMAN</b>	i. Bulanan; atau ii. Suku Tahunan; atau iii. Setengah Tahunan; atau iv. Tahunan

### CARUMAN

Jumlah caruman yang perlu anda bayar bergantung kepada jumlah dan tempoh perlindungan, tempoh bayaran caruman serta mod bayaran caruman anda.

### JADUAL KADAR CARUMAN (Setiap RM1,000.00 jumlah perlindungan)

TEMPOH PERLINDUNGAN	KADAR CARUMAN (RM)			
	20 TAHUN		25 TAHUN	
TEMPOH BAYARAN CARUMAN	8 TAHUN	12 TAHUN	8 TAHUN	12 TAHUN
BULANAN	32.50	23.50	35.00	25.00
SUKU TAHUNAN	97.50	70.50	105.00	75.00
SETENGAH TAHUNAN	195.00	141.00	210.00	150.00
TAHUNAN	390.00	282.00	420.00	300.00



## CAJ DAN YURAN

Peratusan caruman akan ditolak sebagai Yuran Wakalah (caj pendahuluan) mengikut jadual di bawah:

### JADUAL YURAN WAKALAH (SEBAGAI % CARUMAN)

TAHUN	YURAN WAKALAH	
	TEMPOH BAYARAN CARUMAN: <b>8 TAHUN</b>	TEMPOH BAYARAN CARUMAN: <b>12 TAHUN</b>
1	30%	35%
2	25%	25%
3	25%	25%
4	10%	15%
5	10%	15%
6	8%	10%
7	8%	10%
8	8%	10%
9	-	10%
10	-	10%
11	-	5%
12	-	5%
<b>JUMLAH</b>	<b>124%</b>	<b>175%</b>

Nota:

- Wakalah merujuk kepada satu kontrak di mana suatu pihak sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk menjalankan tugas tertentu mengenai hal yang boleh diwakilkan dengan dikenakan bayaran. Di bawah pelan ini, Takaful Malaysia telah diberi kuasa untuk menguruskan dana Takaful yang berkaitan dengan Sijil ini, dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.
- Yuran Wakalah untuk tambahan caruman tunggal adalah 5% daripada caruman.



## NOTA PENTING

- Takaful adalah skim bantuan bersama (Ta'awun) berdasarkan prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk mencarum berdasarkan Tabarru' (derma) ke dalam dana bersama iaitu Akaun Khas Peserta ("AKP"), yang akan digunakan untuk membantu satu sama lain. Tabarru' merujuk kepada derma untuk tujuan kebajikan. Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") akan melabur dan menguruskan dana ini bagi pihak peserta dengan strategi pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dan caruman yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.
- Caruman yang anda bayar mencarum kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan produk, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mencari sijil takaful dengan elemen simpanan/pelaburan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan pelan ini dengan pulangan efektif daripada alternatif pelaburan lain.
- Amaun yang diletakkan dalam Akaun Peserta ("AP") atau Akaun Manfaat Terjamin ("AMT") dan keuntungan pelaburan daripada AP atau AMT adalah tidak dijamin dan berdasarkan keuntungan pelaburan sebenar.
- Pembayaran Elaun Peristiwa Hidup, MTT dan Manfaat Kematangan Terjamin adalah terjamin kerana sebarang kekurangan dalam pembayaran akan dibayar daripada AKP berdasarkan konsep Tabarru' (derma) dan Ta'awun (bantuan bersama) di kalangan peserta. Elaun Peristiwa Hidup, MTT dan Manfaat Kematangan Terjamin tidak akan dijamin jika anda tidak membuat caruman lebih daripada tiga (3) bulan berturut-turut.
- Anda dinasihatkan supaya membayar caruman secara berkala untuk menikmati perlindungan yang berterusan. Sijil anda akan luput dan perlindungan akan ditamatkan apabila baki di dalam AMT telah habis.
- Anda mungkin menerima baki dalam AMT dan AP (jika ada) apabila serahan atau kematangan, yang mungkin berkurangan daripada jumlah caruman yang telah dibayar. Manfaat Kematangan mungkin dibayar daripada AKP sekiranya terdapat kekurangan daripada AMT, tertakluk pada terma dan syarat sijil.
- Sebarang semakan yuran dan caj atau caruman akan dibuat pada ulang tahun sijil dan kami akan memaklumkan kepada anda dengan memberi notis seawal tiga puluh (30) hari.
- Terdapat tempoh penelitian percuma selama lima belas (15) hari kalender dari tarikh penghantaran e-Sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada mahu meneruskan pelan ini. Jika anda ingin menamatkan sijil ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapatkan bayaran balik penuh untuk caruman yang telah dibayar.
- Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah kategori takaful keluarga (hayat), tertakluk pada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.



## PENGECUALIAN

### KEMATIAN

- i. Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun semua caruman yang diterima oleh Takaful Malaysia ditolak MTT yang dibayar oleh Takaful Malaysia akan dikembalikan;
- ii. Sekiranya kematian orang yang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-dua (2), tiada manfaat akan diterima. Walau bagaimanapun semua caruman yang diterima oleh Takaful Malaysia ditolak MTT yang dibayar oleh Takaful Malaysia akan dikembalikan;  
atau
- iii. Sekiranya kematian orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun semua caruman yang diterima oleh Takaful Malaysia ditolak MTT yang dibayar oleh Takaful Malaysia akan dikembalikan.

### KEILATAN MENYELURUH DAN KEKAL ("KMK")

- i. Sekiranya KMK orang yang dilindungi berlaku sebelum hari lahir ke-dua (2), tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Takaful Malaysia ditolak MTT yang dibayar oleh Takaful Malaysia akan dikembalikan;
- ii. Sekiranya KMK orang yang dilindungi disebabkan selain daripada punca kemalangan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua caruman yang diterima oleh Takaful Malaysia ditolak MTT yang dibayar oleh Takaful Malaysia akan dikembalikan;
- iii. Sekiranya KMK orang yang dilindungi telah wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa perlindungan, tiada manfaat akan dibayar;  
atau
- iv. Sekiranya KMK disebabkan oleh cubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri secara sengaja ketika waras atau tidak waras, tiada manfaat akan dibayar.

*Bahagian halaman ini sengaja dikosongkan*



## PENAFIAN

- Visual adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Institusi Perbankan Islam sepenuhnya sejak Julai 2015.
- Tertakluk pada terma dan syarat serta sebarang perubahan dari semasa ke semasa.
- Brosur ini menyediakan maklumat am sahaja. Ia bukan kontrak Takaful. Anda dinasihatkan untuk merujuk helaian penerangan produk, sijil dan ilustrasi pemasaran untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting, manfaat, pengecualian, terma dan syarat pelan sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut.
- Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di **1-300-88-2476** atau layari di **www.agrobank.com.my** atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank di seluruh negara.

---

Diedarkan oleh:



Bank Pertanian Malaysia Berhad, Lebuh Pasar Besar, 50726, Kuala Lumpur, Malaysia  
[200801010522 (811810 - U)]

Diuruskan oleh:



**SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD**

[198401019089 (131646-K)]

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000, Kuala Lumpur.  
[www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my)



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Protecting Your Insurance And Deposits In Malaysia

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

